



## **SIARAN AKHBAR** **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **PERANGSANG SELANGOR SUMBANG RM86,500 BANTU PESAKIT KRONIK DAN PELAJAR MISKIN**

SHAH ALAM, 23 Mac 2017: Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) telah menyerahkan sumbangan berjumlah RM86,500 kepada 32 penerima yang terdiri daripada golongan asnaf fisabilillah dan fakir miskin.



Suzila Khairuddin (tujuh daripada kanan) bersama penerima-penerima bantuan zakat di majlis yang telah berlangsung di Plaza Perangsang baru-baru ini.

Ketika berucap di majlis tersebut, Ketua Pegawai Operasi/Ketua Pegawai Kewangan Perangsang Selangor, Suzila Khairuddin, berkata, "Pada tahun 2016, Perangsang Selangor telah menjelaskan zakat perniagaan berjumlah RM686,861.13 dan sumbangan hari ini merupakan siri kedua pengagihan semula 3/8 zakat berjumlah RM257,572.92 kepada seramai 19 penuntut universiti yang sedang melanjutkan pelajaran di dalam dan luar negara antaranya di dalam bidang pengajian Islam, perubatan, komputer, dan matematik, 11

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Mohd Fauzi Mohd Ghazali  
di talian 012-672 3632 atau [mohdfauzi@kps.com.my](mailto:mohdfauzi@kps.com.my)



## **SIARAN AKHBAR** **UNTUK SIARAN SEGERA**

individu fakir dan miskin serta 2 pertubuhan iaitu Akademi Tahfiz Mandarin Pulau Ketam dan Maahad Tahfiz Al-Fityan.

“Sumbangan tersebut bertujuan untuk mengurangkan beban golongan asnaf antaranya ibu tunggal, pesakit kanser, barah otak dan buah pinggang, warga emas serta menampung yuran pengajian pelajar-pelajar yang berasal daripada keluarga kurang kemampuan”, tambah Suzila.

Menurut salah seorang penerima Harihati Arpan Molana, berkata, “Saya terpaksa bekerja sebagai pengasuh dan hanya memperolehi pendapatan sebanyak RM600 sebulan untuk menyara keluarga kerana suami terlantar sakit akibat ketumbuhan otak sejak 4 tahun lalu. Pada bulan Disember 2016, kami sekali lagi menerima ujian apabila satu-satunya anak perempuan yang berusia 19 tahun disahkan menghidap kanser payudara tahap satu”.

Ketika ditanya mengenai bantuan zakat Perangsang Selangor, Hariati menjelaskan bantuan kewangan tersebut akan digunakan untuk menampung perbelanjaan persekolahan 5 orang anaknya serta kos rawatan perubatan.

Tamat...\